

Headline	ST rekodkan 19 kes kemalangan maut daripada 46 kes		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	19 Sep 2014	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	185 cm ²
Journalist	Clarence George Dol	AdValue	RM 381
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,143



ST rekodkan 19 kes kemalangan maut daripada 46 kes

Clarence George Dol

KENINGAU: Sejumlah 46 kes kemalangan direkodkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada 2013 di mana 19 kes daripadanya melibatkan kemalangan maut.

Pengarah Penguatkuasaan dan Penyelarasan Kawasan, ST, Ir Othman Omar berkata, daripada analisis yang dijalankan terhadap kemalangan elektrik dari 2006, lebih 55 peratus daripada kemalangan itu berlaku dalam pemasangan utiliti di substesen, wayar atas talian dan kabel bawah tanah, sementara selebihnya berlaku di tempat kediaman, tapak pembinaan dan lain-lain.

Beliau berkata demikian dalam satu sidang media semasa Program Sehari Bersama pelanggan Suruhanjaya Tenaga yang diadakan di Dewan Masyarakat Keningau pada Khamis.

Beliau berkata, kajian menunjukkan bahawa kebanyakan kemalan-

gan melibatkan pemasangan utiliti awam adalah disebabkan pencerobohan dan kurang pengetahuan dan kesedaran tentang bahaya menjalankan aktiviti sekitar pemasangan.

Selain itu, katanya satu kemalangan di sebuah kawasan kediaman disebabkan cubaan untuk membuat pendawaian haram dan menggunakan peralatan elektrik yang berkualiti rendah dan tidak diluluskan.

Sementara itu, Othman berkata program sehari bertemakan TOUCH POINT yang disertai oleh pelbagai agensi kerajaan, sekolah, badan swasta, kontraktor dan orang ramai adalah tepat pada masanya.

“Program ini akan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai tentang pendawaian elektrik dan paip gas dengan betul dan selamat melalui pelbagai aktiviti termasuk ceramah yang dijalankan oleh Suruhanjaya Tenaga, nasihat di kaunter, permohonan dan aduan,

menyebarkan kempen kesedaran dan keselamatan elektrik dan gas serta mempromosikan kecekapan bekalan melalui produk elektrik jimat tenaga kepada pengguna,” jelas beliau.

Melalui program itu, katanya Suruhanjaya Tenaga akan memperkalkan peranan dan fungsi jabatan itu kepada orang ramai dan memberi panduan kepada mereka untuk belajar perkara berkaitan.

Terdahulu pada upacara pembukaan, Timbalan Pegawai Pembangunan Keningau, Jefrus Rizan berkata program yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Tenaga itu harus diperluaskan kepada orang ramai di luar bandar kerana ia adalah wajar untuk menyebarkan maklumat berkaitan untuk manfaat semua pihak dalam meningkatkan kesedaran dan bagaimana untuk menggunakan elektrik yang betul kerana hari ini orang ramai masih kurang pengetahuan berkenaan perkara seperti itu.